

DATE: 4 / 12 / 2007

Malaysia komited jadi hab pertahanan – Abdullah

UM 4/12/2007

LANGKAWI 3 Dis. – Malaysia komited menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan dan mewujudkan platform kukuh bagi menguasai pasaran industri pertahanan serantau, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Perdana Menteri, cabaran utama yang dihadapi oleh industri pertahanan pada masa kini iaitu perubahan terhadap ancaman keselamatan bentuk baru dan peningkatan kos kelengkapan pertahanan, membuka ruang untuk negara mengambil bahagian dalam industri tersebut.

Jelasnya, ancaman keselamatan yang sering berubah dan semakin mencabar, memaksa teknologi aeroangkasa dan maritim dibawa ke tahap lebih tinggi.

“Ditambah dengan kos buruh yang semakin meningkat, bahan mentah serta penyelidikan dan pembangunan (R&D), ia menyebabkan kos pengeluaran industri pertahanan turut meningkat,” katanya ketika berucap merasmikan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2007 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini malam ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Jeanne Abdullah; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Menurut Abdullah, penglibatan negara dalam rangkaian pengeluaran kelengkapan tulen (OEM) untuk industri perta-

hanan berjaya meletakkan Malaysia pada kedudukan yang kompetitif.

Beliau menambah, asas prasarana yang kukuh beserta politik yang stabil dan ekonomi memberangsangkan membolehkan syarikat tempatan dan antarabangsa menjalin kerjasama dalam rangkaian OEM.

“Ini boleh dijayakan melalui kerjasama strategik dan sekutu dalam segmen-segmen industri berbeza seperti reka cipta dan pembangunan; ujian dan persijilan; pengeluaran; integrasi sistem; membaik pulih dan pengurusan kitaran,” jelasnya.

Katanya, syarikat OEM dan multinasional antarabangsa boleh memainkan peranan utama dengan membina perniagaan bersama rakan kongsi tempatan.

Tambahnya, syarikat-syarikat tempatan perlu terus meningkatkan teknologi mereka melalui program R&D jangka panjang sekali gus memberi peluang untuk menerokai pasaran antarabangsa.

LIMA 2007 merupakan yang terbesar dalam sejarah penganjuran sejak 1991 dengan penyertaan sebanyak 300 syarikat dari 30 negara manakala pesawat yang dipamerkan berjumlah 100 buah.

Selain pameran segmen udara di MIEC dan maritim di Awana Porto Malai, ia juga akan dimeriahkan dengan pertunjukan udara melibatkan pesawat tempur dan juga aerobatik dari United Kingdom dan India yang bermula esok.



ABDULLAH Ahmad Badawi menekan pancaran laser sebagai tanda merasmikan LIMA 2007 di Dewan Pameran Mahsuri Antarabangsa di Langkawi, malam tadi sambil diperhati Najib Tun Razak.